

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 3 MAC 2015 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Perkukuh perniagaan bioekonomi	Berita Harian
2	BiotechCorp takes on new partner	The Star
3	BiotechCorp Merangsang Bioekonomi Melalui Cadangan Kerjasama Dengan Belgium	Bernamea.com
4	Act against open burning	The Star
5	Angkasa nafi kedudukan matahari hampir dengan bumi pada 21 Mac ini	Kosmo
6	Perjelasan panas fenomena Ekuinoks	Harian Metro
7	Kedudukan Matahari Hampir Dengan Bumi Semasa Ekuinoks Tidak Benar - Angkasa	Bernamea.com
8	Tesdec Tandatangani MoU Dengan Tiga Syarikat	Bernamea.com
9	Anugerah Inovasi Negara (IKLAN)	Utusan Malaysia

Perkukuh perniagaan bioekonomi

» **BiotechCorp, GBEV jalin kerjasama galak peluang pembiayaan inovatif**

Oleh Che Wan Badrul Alias
chewan@bh.com.my

Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd (BiotechCorp) bercadang untuk bekerjasama dengan Ghent Bio-Economy Valley (GBEV) dari Belgium bagi mengukuhkan ekosistem perniagaan bioekonomi

dan komuniti penyelidik bioteknologi di kedua-dua negara.

Kerjasama itu bertujuan menggalakkan peluang pembiayaan inovatif, usaha sama perniagaan, peluang pengembangan, kerjasama pelbagai bidang, perkongsian maklumat, kepakaran teknologi dan sumber bagi membangunkan produk, pemprosesan dan teknologi baharu industri.

Ketua Pegawai Operasinya, Razwin Sulairee Hassan Termizi, berkata GBEV adalah organisasi utama yang bertanggungjawab membangunkan industri bioteknologi di Belgium dan kerjasama itu membuka peluang memahami lebih lanjut kekuatan GBEV termasuk ekosistem bersepadunya yang fleksibel.

Katanya, ia termasuk pelaksanaan loji perintis ber-

asaskan bio di Eropah yang terkenal sebagai loji perintis pelbagai guna membangunkan produk bioteknologi dan pemrosesannya; serta pelabuhan bio terbesar Eropah, Port of Ghent.

Lonjakkan ekonomi

"Kami berminat bekerjasama dengan GBEV bagi mempelajari dan menggunakan pendekatan sama di Malaysia kerana ia berpo-

tensi besar melonjakkan ekonomi negara.

"Negara memiliki sumber bio dan platform yang tepat untuk disesuaikan bagi menghasilkan model-ekosistem-GBEV di Malaysia," katanya pada majlis pertukaran cadangan kerjasama kedua-dua pihak di Kuala Lumpur, semalam.

Yang hadir sama, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah; Duta Belgium, Daniel Dargent; dan Lembaga Pengarah GBEV, Hendrik-Jan Van Engelen.

BiotechCorp takes on new partner

KUALA LUMPUR: Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd (BiotechCorp) has exchanged a collaboration proposal with Belgium's Ghent Bio-Economy Valley (GBEV) to bolster the bio-economy business and research communities in both countries.

GBEV is a non-profit organisation that supports the development of bio-based activities for economic growth in the region of

Ghent, Belgium.

BiotechCorp said in a statement the partnership was intended to encourage business partnering and expansion opportunities, multi-disciplinary areas of collaboration, innovative funding opportunities, as well as sharing of information, tools and resources for the development of new bio-based products, processes and technologies. — Bernama



BiotechCorp Merangsang Bioekonomi Melalui Cadangan Kerjasama Dengan Belgium

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- [Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd](#) melakukan pertukaran cadangan kerjasama dengan Ghent Bio-Economy Valley (GBEV) dari Belgium untuk memperkukuh komuniti perniagaan dan penyelidikan bioekonomi di kedua-dua buah negara.

GBEV merupakan organisasi tidak bermotif keuntungan yang menyokong pembangunan aktiviti berasaskan bio untuk pertumbuhan ekonomi di wilayah Ghent, Belgium.

Majlis itu disaksikan oleh [Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#), Duta Belgium Daniel Dargent dan anggota lembaga GBEV Hendrik-Jan Van Engelen.

Dalam satu kenyataan Isnin, BiotechCorp berkata kerjasama itu diharap dapat menggalakkan perkongsian perniagaan dan peluang pengembangan, bidang kolaborasi multi disiplin, peluang dana inovasi, serta perkongsian maklumat, kelengkapan dan sumber untuk pembangunan produk, proses dan teknologi baharu berasaskan bio.

"Kementerian menasarkankan 360 inovasi berimpak tinggi untuk dikomersialkan menjelang 2020, dan kami berharap kerjasama antarabangsa ini akan menjadi pemacu kepada Malaysia untuk mencapai target," kata Abu Bakar.

Dalam ucapan pembukaan, [Ketua Pegawai Operasi BiotechCorp Razwin Sulairee Hasnan Termizi](#) berkata cadangan kerjasama itu membolehkan Malaysia memanfaatkan Loji Perintis Eropah Berasaskan Bio GBEV, serta Pelabuhan Ghent, pelabuhan bio terbesar Eropah.

-- BERNAMA

Act against open burning

WE are now in the middle of the hot and dry season.

According to the Meteorological Department, the hot and dry weather, especially in the north of the west coast of the peninsula, is expected to continue until the end of March.

The country is at end of the north-easterly monsoon where there is less rain in most areas for a long period, resulting in this hot and dry weather.

As such, the public as well as industries are advised not to conduct any open-burning activities.

Activities which can be considered as open burning include the burning of unwanted materials such as paper, trees, brush, leaves, grass, and debris, where smoke and other

emissions are released directly into the air without passing through a chimney or stack.

Open burning can also include incineration devices that do not control the combustion air to maintain an adequate temperature that do not provide sufficient residence time for complete combustion.

It is important to note that any activities of open burning will pollute the air and pose a high risk of fire, especially during the current hot and dry weather condition.

The long-term effects of air pollution, created by open burning, can irritate eyes and lungs, obscure visibility, soil nearby surfaces, create annoying odours, and cause danger, especially to those suffering with respiratory conditions.

Instead of conducting open burning, the public should be advised to take other alternative approaches to deal with the waste like making compost in which leaves and grass can be turned into nutrients for the garden or houseplants.

The public can also use their own creativity to recycle or reuse any old or used materials.

Stern legal action needs to be taken against those carrying out open burning using existing laws such as the Environmental Quality Act 1974 (Act 127). Section 29A of the Act clearly forbids any person from conducting open burning.

It states that no person shall allow or cause open burning on any premises. Any person who contravenes this rule shall be guilty of an

offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding RM5,000 or to imprisonment for a term not exceeding five years or both.

According to the Act, "open burning" means any fire, combustion or smouldering that occurs in the open air and which is not directed there through a chimney or stack.

The relevant enforcement agencies like the Department of Environment under the Natural Resources and Environment Ministry should constantly advise the public not to carry out open burning in order to avoid any disaster.

DR MUZAFFAR SYAH MALLOW
Faculty of Syariah & Law,
Universiti Sains Islam Malaysia

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 02
TARIKH: 03 MAC 2015 (SELASA)**

Angkasa nafi kedudukan matahari hampir dengan bumi pada 21 Mac ini

KUALA LUMPUR - Penda-pat bahawa matahari akan berada hampir dengan bumi dan menyebabkan cuaca yang lebih panas semasa fenomena Ekuinoks pada 21 Mac ini adalah tidak benar, demikian menurut **Agensi Angkasa Negara (Angkasa)**.

Dalam satu kenyataan semalam, Angkasa men-jelaskan Ekuinoks merupa-kan satu fenomena apabila matahari berada tepat pada garisan Khatulistiwa se-lepas bergerak dari Hemis-

fera Selatan ke utara yang-menyebabkan cuaca lebih panas dan tempoh siang di kawasan Khatulistiwa lebih panjang daripada biasa.

Sebaliknya, bumi akan be-rada paling hampir dengan matahari semasa ia berada pada kedudukan perihelion yang biasanya berlaku pada 4 Januari manakala kedudu-kan paling jauh dari mata-hari berlaku pada 6 Julai setiap tahun.

“Perbezaan jarak bumi paling hampir dan paling



jauh dari matahari adalah hanya tiga peratus sahaja.

“Secara keseluruhannya,

nilai perbezaan sebanyak tiga peratus tersebut ada-lah terlalu kecil atau tidak cukup signifikan untuk me-nyebabkan perubahan suhu bumi,” menurut kenyataan itu.

Angkasa menjelaskan, keadaan panas yang dialami pada masa kini lebih dipe-ngaruhi oleh faktor cuaca pada permukaan bumi se-perti tiupan angin dan juga faktor kadar pembentukan awan yang membawa hujan.

- Bernama

Perjelas panas fenomena Ekuinoks

Kuala Lumpur: Pendapat bahawa matahari akan berada hampir dengan bumi dan menyebabkan cuaca yang lebih panas semasa fenomena Ekuinoks pada 21 Mac ini adalah tidak benar, demikian menurut **Agensi Angkasa Negara (Angkasa)**.

Dalam satu kenyataan semalam, Angkasa menjelaskan Ekuinoks adalah satu fenomena apabila matahari berada tepat pada garisan Khatulistiwa selepas bergerak dari hemisfera selatan ke utara yang menyebabkan cuaca lebih panas dan tempoh siang di kawasan Khatulistiwa lebih panjang daripada biasa.

Sebaliknya, bumi akan berada paling hampir dengan matahari semasa ia berada pada kedudukan 'Perihelion' yang biasanya berlaku pada 4 Januari, manakala kedudukan paling jauh dari matahari (Aphelion) berlaku pada 6 Julai setiap tahun.

"Perbezaan jarak bumi

paling hampir dan paling jauh dari matahari adalah hanya tiga peratus sahaja.

"Secara keseluruhannya, nilai perbezaan sebanyak tiga peratus tersebut adalah terlalu kecil atau tidak cukup signifikan untuk menyebabkan perubahan suhu bumi," menurut kenyataan itu.

Angkasa menjelaskan, keadaan panas yang dialami pada masa kini lebih dipengaruhi oleh faktor cuaca pada permukaan bumi seperti tiupan angin dan juga faktor kadar pembentukan awan yang membawa hujan.

"Perubahan empat musim di hemisfera utara dan selatan bumi pula adalah kerana faktor kecondongan paksi bumi yang menyebabkan perbezaan 'penyebaran tenaga matahari' di kedua-dua permukaan bumi dan bukannya disebabkan oleh jarak bumi ke matahari," menurut kenyataan itu lagi. -BERNAMA



Kedudukan Matahari Hampir Dengan Bumi Semasa Ekuinoks Tidak Benar - Angkasa

KUALA LUMPUR, 2 Mac (Bernama) -- Pendapat bahawa matahari akan berada hampir dengan bumi dan menyebabkan cuaca yang lebih panas semasa fenomena Ekuinoks pada 21 Mac ini adalah tidak benar, demikian menurut [Agensi Angkasa Negara \(Angkasa\)](#).

Dalam satu kenyataan Isnin, Angkasa menjelaskan Ekuinoks merupakan satu fenomena apabila matahari berada tepat pada garisan Khatulistiwa selepas bergerak dari hemisfera selatan ke utara yang menyebabkan cuaca lebih panas dan tempoh siang di kawasan Khatulistiwa lebih panjang daripada biasa.

Sebaliknya, bumi akan berada paling hampir dengan matahari semasa ia berada pada kedudukan 'Perihelion' yang biasanya berlaku pada 4 Jan, manakala kedudukan paling jauh dari matahari (Aphelion) berlaku pada 6 Julai setiap tahun.

"Perbezaan jarak bumi paling hampir dan paling jauh dari matahari adalah hanya tiga peratus sahaja.

"Secara keseluruhannya, nilai perbezaan sebanyak tiga peratus tersebut adalah terlalu kecil atau tidak cukup signifikan untuk menyebabkan perubahan suhu bumi," menurut kenyataan itu.

Angkasa menjelaskan keadaan panas yang dialami pada masa kini lebih dipengaruhi oleh faktor cuaca pada permukaan bumi seperti tiupan angin dan juga faktor kadar pembentukan awan yang membawa hujan.

"Perubahan empat musim di hemisfera utara dan selatan bumi pula adalah kerana faktor kecondongan paksi bumi yang menyebabkan perbezaan 'penyebaran tenaga matahari' di kedua-dua permukaan bumi dan bukannya disebabkan oleh jarak bumi ke matahari," menurut kenyataan itu lagi.

Orang ramai boleh menghubungi Observatori Negara Langkawi di talian 04-966 8870 atau Planetarium Negara 03-2273 4303 untuk sebarang maklumat lanjut mengenai fenomena itu.

-- BERNAMA



Tesdec Tandatangani MoU Dengan Tiga Syarikat

KEMAMAN, 2 Mac (Bernama) -- Institut pengajian tinggi milik kerajaan negeri Terengganu, Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri Terengganu (Tesdec) pada Isnin memeterai tiga memorandum persefahaman (MoU) dengan tiga syarikat swasta dalam usaha meningkatkan kemahiran dan mutu latihan di kolej itu.

Pengerusi Lembaga Pengarah Tesdec A. Latiff Awang berkata MoU itu bertujuan untuk meningkatkan prestasi Tesdec dalam melahirkan tenaga mahir yang dapat memenuhi keperluan industri.

"Hari ini kami menandatangani tiga MoU dengan tiga syarikat yang menawarkan khidmat latihan iaitu [Sirim Training Services Sdn Bhd](#), Ace Tristar Sdn Bhd serta Bermuda Subsea (M) Sdn Bhd.

"Sirim merupakan peneraju dalam bidang berasaskan sistem kualiti di Malaysia, Ace Tristar pula mempunyai kepakaran dalam bidang berasaskan minyak dan gas manakala Bermuda mempunyai kepakaran dalam bidang pemeriksaan dalam laut," katanya dalam sidang media selepas majlis penandatanganan MoU itu.

A. Latiff yang juga Pengerusi Jawatankuasa Transformasi Kerajaan, Komunikasi dan Multimedia negeri berkata susulan pemeteraian MoU itu, Tesdec akan memperkenalkan tiga kursus berkaitan tiga bidang berkenaan dalam masa terdekat pada peringkat sijil.

"Tiga kursus baharu yang akan ditawarkan ini sememangnya menepati kehendak pasaran kerja sama ada dalam negara dan luar negara yang syarikat-syarikat ini sememangnya mempunyai kerjasama dengan syarikat industri dalam dan luar negara.

"Sekarang ini kami mempunyai 450 pelatih yang sedang menjalani latihan di kolej kami dan jumlah ini kami sasarkan akan meningkat hingga 600 pelatih selepas kursus baharu diperkenalkan," katanya.

MoU itu ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif Tesdec Omar Mat, Pengurus Besar Kanan Sirim Training Services Sdn Bhd Dr Mohd Azman Idris, Pengerusi Ace Tristar Sdn Bhd Datuk Rosul Wahid dan Pengarah Urusan Bermuda Subsea (M) Sdn Bhd Zainal Abidin Mohd Noor.

A. Latiff berkata sehingga kini 80 peratus daripada 35,000 graduan Tesdec mendapat peluang pekerjaan dalam industri sejak Tesdec ditubuhkan pada 1997.

"Kadar graduan kami yang mendapat kerja selepas tamat belajar sangat tinggi kerana kursus yang ditawarkan Tesdec menepati kehendak industri dan menjadi rebutan syarikat," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHABAR TEMPATAN
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 7
TARIKH: 3 MAC 2015 (SELASA)

ANUGERAH
**INOVASI
NEGARA**
(AIN) 2015



Penyertaan **Segera**

Kategori

- **PRODUK**
Wang tunai **RM50,000**
- **PERKHIDMATAN**
Wang tunai **RM50,000**
- **AKAR UMBI**
Wang tunai **RM20,000**
- **SEKOLAH**
Wang tunai **RM10,000**

**TARIKH
TUTUP**

**20
MAC 2015**



Cara Memohon

Borang dan syarat permohonan boleh dimuat
turun dari laman web www.mosti.gov.my

Tel: **03-89112000** Samb: 1871
E-mel: ain2015@mosti.gov.my

